

4.6.3 Menyempurnakan dan lulus Praktikum/Amalan Profesional, Kukurikulum dan Bina Insan Guru (jika berkenaan) sebagaimana yang disyaratkan dalam struktur program;

4.6.4 Mengumpul jumlah kredit yang ditetapkan seperti yang terkandung dalam struktur program yang diikuti; dan

4.6.5 Keputusannya telah disahkan oleh Senat.

#### **4.7 PENTAKSIRAN DAN PEPERIKSAAN ULANGAN / KHAS**

4.7.1 Pelajar yang gagal peperiksaan bagi sesuatu kursus dibenarkan menduduki peperiksaan ulangan pada tarikh yang ditetapkan oleh IPG.

4.7.2 Pelajar yang gagal dalam kursus yang mempunyai lebih daripada satu kertas peperiksaan, jika gagal gabungan (kerja kursus dan peperiksaan) dikehendaki mengulang peperiksaan bagi kertas peperiksaan yang gagal sahaja.

4.7.3 Pelajar yang gagal peperiksaan dibenarkan mengulang peperiksaan dua (2) kali sahaja bagi satu kertas peperiksaan dengan membawa markah kerja kursus sedia ada.

4.7.4 Nilai mata gred maksimum pentaksiran ulangan ialah 2.00 (Gred C) selepas digabungkan skor peperiksaan dan skor kerja kursus.

#### **4.8 PENGANTUNGAN KEPUTUSAN**

4.8.1 Keputusan penilaian dan pentaksiran seseorang calon boleh digantung, jika ia mempunyai kes yang belum selesai dengan :

- (a) pihak berkuasa tatatertib IPG;
- (b) mana-mana mahkamah, dan
- (d) Jabatan Pendaftaran Negara mengenai status kewarganegaraannya.

#### **4.9 PEMBATALAN KEPUTUSAN**

4.9.1 Keputusan penilaian dan pentaksiran seseorang calon boleh dibatalkan jika sekiranya disabitkan dengan mana-mana kes seperti berikut :

- (a) Melakukan penyelewengan dalam melaksanakan kerja kursus ataupun dalam peperiksaan.
- (b) Melakukan penyelewengan plagiat dalam melaksanakan kerja kursus.
- (c) Melakukan penipuan tentang status kewarganegaraan.
- (d) Melakukan penipuan dalam syarat kelayakan memasuki IPG.

#### **4.10 PEMBERHENTIAN KURSUS PENGAJIAN**

4.10.1 Pelajar akan diberhentikan daripada meneruskan kursus/pengajian apabila :

- (a) mendapat Purata Mata Gred Terkumpul kurang daripada 2.00;
- (b) dikenakan hukuman “pembuangan daripada institusi” oleh pihak berkuasa tatatertib institusi; dan